



Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia
(Malaysian Association Of Money Services Business)
No. Pendaftaran/Registration No.: PPM-001-10-22082013

KENYATAAN MEDIA

Pakar industri pengurusan mata wang dan kiriman wang bakal berkumpul di bandaraya Kuala Lumpur bersempena dengan persidangan terbesar industri tersebut di rantau ini.

Persidangan Perniagaan Perkhidmatan Wang Asia Pasifik 2017 yang bakal diadakan itu adalah bertemakan "Memanfaatkan Inovasi Untuk Kemampuan Industri Perniagaan Perkhidmatan Wang"

Kuala Lumpur, 14 Ogos 2017: Lebih daripada 400 golongan profesional dalam industri perniagaan perkhidmatan wang (MSB) yang terdiri dari peniaga pertukaran mata wang, pengiriman wang dan pemborongan mata wang dari seluruh rantau Asia Pasifik dan pelosok dunia dijangka berhimpun pada Persidangan Perniagaan Perkhidmatan Wang Asia Pasifik 2017 (MAPC 2017) bertemakan "Memanfaatkan Inovasi Untuk Kemampuan Industri Perniagaan Perkhidmatan Wang" yang akan diadakan pada 5 dan 6 September ini di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia (BNM), Kuala Lumpur.

Dianjurkan oleh Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (MAMSB) dan disokong oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), acara berprestij ini berupaya menarik penyertaan peserta industri pertukaran mata wang dan kiriman wang, pengawal selia, syarikat teknologi, bank, agensi kerajaan, penyedia perkhidmatan dagangan, syarikat telekomunikasi, penyedia perkhidmatan wang mudah alih serta penyedia perkhidmatan pelengkap kepada industri MSB merangkumi perundangan, pematuhan, audit dan keselamatan dari rangkaian rantau Asia Pasifik dalam menghubungkannya sekali gus menjalin pakatan baru dan mengatur masa depan industri. MAPC 2017 merupakan persidangan bagi industri perniagaan perkhidmatan wang terbesar di rantau ini.

"Kami menganjurkan satu persidangan yang sama di Kuala Lumpur pada November 2015 dan pada masa itu lebih daripada 400 perwakilan dari 32 negara mengambil bahagian dalam acara itu dan kami berharap dapat kembali mencipta kejayaan tersebut. Pada tahun ini, kami berbangga mendapat sokongan MDEC dan kami akan meneroka cara-cara untuk memupuk dan memanfaatkan inovasi dalam industri MSB, meninjau cabang perniagaan baru serta strategi digital dan mengatur trajektori baharu yang menarik bagi membuktikan masa depan industri perniagaan perkhidmatan wang yang cerah," kata Shalini Pavithran, Ketua Pegawai Eksekutif MAMSB.

Adalah penting kepada sektor MSB untuk mempercepatkan pelaksanaan dan penggunaan digital di mana kuasa pasaran telah mewujudkan kepentingan terhadap penggunaanya. Menurut Gopi Ganesalingam, Naib Presiden Pembangunan Perusahaan MDEC: "Kita hidup dalam era teknologi maklumat dengan perubahan yang berlaku adalah pada kadar jauh lebih cepat daripada apa yang pernah dilihat. Sama seperti semua perniagaan yang lain, kita perlu membuktikan masa depan sesebuah syarikat untuk memastikan mereka tidak ketinggalan. Kami percaya, dengan penglibatan yang betul, syarikat akan terus berada di hadapan mencapai kemajuan. Mempunyai persidangan seperti MAPC 2017 ini adalah satu langkah besar ke hadapan kerana ia bukan sahaja meningkatkan kesedaran mengenai trend dan cabaran semasa serta generasi akan datang, malah ia juga mewujudkan peluang baharu bagi semua dalam meningkatkan keupayaan mereka sendiri dalam era perubahan".



Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia
(Malaysian Association Of Money Services Business)
No. Pendaftaran/Registration No.: PPM-001-10-22082013

MAPC 2017 bertindak sebagai platform kepada profesional industri untuk membincangkan pelbagai penyelesaian inovatif dan kemajuan teknologi dalam industri perniagaan perkhidmatan wang. Makluman terkini mengenai perkembangan dan trend dalam pertukaran mata wang global dan pasaran pengiriman wang serta impak pembangunan industri ini di seluruh rantau Asia Pasifik juga bakal menjadi tumpuan untuk dibincangkan.

Persidangan tersebut yang bakal dijalankan dengan kehadiran lebih 50 penceramah berprofil tinggi yang akan bersama-sama membincangkan mengenai model perniagaan pengiriman wang dan pertukaran mata wang yang baru, inovasi produk terkini, teknologi kewangan (FinTech), inisiatif bersepadu kewangan, dompet, e-pembayaran, cryptocurrency, bitcoin dan blockchain. Matlamat utama semasa pelbagai sesi persidangan itu adalah untuk menengahkan isu-isu semasa di samping memberi cabaran kepada peserta untuk menyesuaikan diri, mengadaptasi, mencabar kebiasaan, melibatkan diri, berkongsi pandangan sebagai usaha dalam meneroka peluang-peluang baru dan membawa industri MSB terus ke hadapan.

Hari pertama MAPC 2017 akan memberi fokus kepada trend terkini, perkembangan, cabaran dan peluang pertumbuhan baharu bagi pasaran MSB dari sudut pandangan pemain industri, pakar berkaitan sektor terbabit dan perkara terkini yang dilihat mengganggu pertumbuhan industri ini.

Bagi hari kedua, tumpuannya adalah bermatlamat untuk mendedahkan bagaimana peneraju industri pertukaran mata wang dan pengiriman wang serta pengasas trend memberi maklum balas kepada perubahan yang berlaku di pasaran tempatan dan global serta bagaimana mereka mengguna dan mengeksploit teknologi baru untuk kekal berdaya saing supaya tidak hanya berada dalam pasaran, sebaliknya turut mengubahnya.

Antara senarai penceramah semasa MAPC 2017 berlangsung termasuklah:

- Wakil Pegawai Kanan dari Bank Negara Malaysia (BNM)
 - Wakil Pegawai Kanan dari Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)
 - Mohit Davar, Pengerusi Persatuan Rangkaian Pemindahan Wang Antarabangsa
 - Naushad Hussain, Ketua Pembayaran Runcit Global, CIMB
 - Rajeev Kumar Gupta, Pakar Pengurusan Program – Pembiayaan Bersepadu United Nations Capital Development Fund
 - Christopher Tiffin, Ketua Pegawai Kewangan Celcom Axiata Berhad
 - Monnida Musicabud, Ketua Pertumbuhan Pelanggan Baru AXA Asia
 - Ron Hose, Pengasas Bersama dan CEO Coins.ph
 - Lisa Nestor, Pengarah Kerjasama Stellar.org
 - Eric V. Guichard, Pengasas Bersama dan Pengarah Global Mesra Ltd
- Senarai penuh penceramah persidangan boleh didapati di laman web MAMSB.

Orang ramai turut dialu-alukan untuk menghadiri MAPC2017 dengan mendaftar di <https://www.mamsb.org.my/news/money-services-business-asia-pacific-conference-2017-mapc-2017/> atau menghubungi MAMSB melalui office@mamsb.org.my.

TAMAT



Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia
(Malaysian Association Of Money Services Business)
No. Pendaftaran/Registration No.: PPM-001-10-22082013

Mengenai Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia

Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia atau MAMSB ditubuhkan pada 22 Ogos 2013 dan dilancar secara rasmi pada 9 Januari 2014. Ia adalah persatuan kebangsaan bagi syarikat-syarikat Perniagaan Perkhidmatan Wang (MSB) di Malaysia yang mendapat lesen di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (MSBA) serta pengusaha yang telah mendapat kelulusan sebagai agen MSB di bawah lesen MSBA .

Ahli MAMSB terlibat dalam tiga jenis perniagaan perkhidmatan wang yang ditadbir di bawah MSBA:

- perniagaan pertukaran matawang
- perniagaan pengiriman wang
- perniagaan matawang borong yang menyokong perniagaan pengurusan wang runcit.

Visi MAMSB adalah untuk menjadi penggerak yang disegani untuk memodenkan dan meningkatkan profesionalisme industri MSB dan pada masa sama memperjuangkan kepentingan ahli.

Pertanyaan media

Shalini Pavithran

Ketua Pegawai Eksekutif, Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia
Tel: 03 7722 5808 Fax: 03 7722 5008